

Biro politik Cuepacs jamin pekerja dapat maklumat tepat

BH 15 MAY 2000

IPOH. Ahad-Cuepacs memheri jaminan akan terus membantuke-
rajaan memberi penjelasan kepa-
da kakitangan sektor perkhidmat-
an awam berhubung pelbagai isu
seperti yang disarankan Perdana
Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad.

Presidennya, Siva Subramaniam,
berkata Biro Politik Cuepacs akan
menyusun strategi bagi memasti-
kan kakitangan sektor awam men-
dapat maklumat yang betul mence-
nai pelbagai aspek dalam pentad-
biran kerajaan.

"Cuepacs memuji pendirian Dr
Mahathir terhadap kakitangan ke-
rajaan yang perlu diberi penjela-
san. Kcnnyataan itu dengan sendi-
rinya membuktikan kerajaan pri-

hatin terhadap kakitangan sektor
perkhidmatan awam.

"Cuepacs juga bersetuju kaki-
tangan kerajaan yang menjadi pe-
nentang diberi maklumat yang
salah sehinggalah penerangan yang
sebenarnya diberi," katanya dalam
kenyataannya di sini, hari ini.

Siva berkata, Cuepacs yakin
wakil rakyat dan ketua jabatan akan
lebih berdamping dengan kesatuan
sekerja bagi membolehkan gam-
baran jelas berhubung pimpinan
kerajaan diberi.

"Selain itu, konsep rakan kongsi
yang dipersetujui kerajaan dalam
semua peringkat juga dapat dilak-
sanakan selepas ini, termasuk pe-
nubuhan majlis bersama di semua
jabatan kerajaan," katanya.